
MSM Kembali Pada Detik Kemanisan

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula terkemuka negara dan anak syarikat FGV Holdings Berhad (FGV), beralih kepada keuntungan pada suku pertama berakhir 31 Mac 2018 (S1TK18), setelah menyampaikan keuntungan bersih sebanyak RM15.81 juta berbanding kerugian bersih sebanyak RM34.62 juta yang dicatatkan pada suku yang sama tahun lepas.

Pendapatan sesaham bagi suku tahun yang ditinjau adalah RM2.25 berbanding RM4.93 kerugian sesaham pada S1TK17. Prestasi yang bertambah baik pada suku semasa dibantu oleh kos bahan mentah yang lebih rendah dan kadar pertukaran mata wang asing yang menggalakkan. Selain itu, pengurangan perbelanjaan pentadbiran turut merangsang prestasi MSM,

penurunan sebanyak 33.0% dari suku ke suku atau RM9.1 juta daripada RM23.8 juta.

Hasil berkurang 15.4% berbanding dengan suku yang sama pada tahun lepas sebanyak RM648.97 juta, ini terjejas akibat penurunan dalam harga jualan purata dan pengurangan 7.0% dalam keseluruhan jualan yang dijual – terutamanya pengurangan bagi jualan eksport.

"Walaupun keadaan tidak begitu baik pada tahun 2017, prestasi suku tahun pertama ini menunjukkan tanda-tanda yang menggalakkan ke arah kunci kira-kira yang sihat. Ia merupakan proses pemulihan berterusan dan pada catatan positif ini, arah MSM teguh bagi mengukuhkan peranan kepimpinan dalam perniagaan

ini," kata Pengarah Eksekutif MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz.

MSM terus mengukuhkan fokus operasi dengan merendahkan kos gula mentah sebanyak 23.1% berbanding S1TK17. Walau bagaimanapun, ini terhalang oleh kenaikan kos penapisan purata disebabkan kos bahan bakar yang lebih tinggi terhasil daripada kenaikan tarif gas pada bulan Januari sebanyak 16.0%. Mata wang Ringgit Malaysia terus mengukuh, dengan perbandingan suku tahunan antara 2017 dan 2018 pada kadar purata pasaran kira-kira 12.70%. Bagaimanapun, kadar mata wang purata MSM adalah lebih tinggi daripada pasaran sekitar 1.91%. **C**